

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

MAT 101 Kalkulus

Masa : [ jam]

---

Jawab semua soalan dari Bahagian A dan pilih tiga (3) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

1. (a) Biar  $g(x) = x^2$  dan biar

$$h(x) = \begin{cases} 0, & x \text{ nisbah} \\ 1, & x \text{ tak nisbah} \end{cases}$$

- (i) Dapatkan  $y$  supaya  $h(y) \leq g(y)$   
(ii) Dapatkan  $w$  supaya  $g(w) \leq w$   
(iii) Dapatkan  $\epsilon$  supaya  $g(g(\epsilon)) = g(\epsilon)$ .

- (b) Lakarkan set semua titik yang memenuhi

$$|1 - x| = |y - 1|$$

- (c) Nilaikan

$$\lim_{x \rightarrow 0} \left( x^3 - \frac{x}{|x|} \right)$$

- (d) Dapatkan nilai hampiran  $\lambda(3.05)$  dengan

$$\lambda(m) = 4m^3 - m^4$$

- (e) Jika  $g(x)$  fungsi songsang kepada  $f(x)$  dengan  $f(x) = \sqrt{x-3}$  atas  $[3, \infty)$ ,  
dapatkan  $g'(4)$  dan  $g'(8)$ .

(100/100)

...2/-

2. (a) Buktikan pernyataan berikut:

Jika  $f$  terbeza pada  $x_0$ , maka  $f$  selanjar pada  $x_0$ .

- (b) Biar  $f(x) = |x| - 1$ . Maka  $f(-1) = f(1) = 0$  tetapi  $f'(x)$  tidak sifar atas  $[-1, 1]$ . Adakah ini bercanggah dengan teorem Rolle?

- (c) Buktikan bahawa jika  $h(t)$  adalah satu fungsi langkah atas  $[a, b]$  dengan  $f(t) \leq h(t)$  untuk semua nilai  $t$  dalam selang  $(a, b)$ , maka

$$F(b) - F(a) \leq \int_a^b h(t) dt$$

di mana  $F$  sebarang anti terbitan untuk  $f$  atas  $[a, b]$ .

- (d) Dengan meletak kamiran

$$\int \frac{dx}{x \ln(x)} \text{ dalam bentuk}$$

$\int f(u) u'(x) dx$  maka nilaiakan kamiran tersebut.

- (e) Diberi

$$\frac{1}{1 + 1/(k + \lambda)} > \frac{1}{1 + 1/\lambda}$$

dengan  $k$  dan  $\lambda$  nombor-nombor positif.  
Tunjukkan bahawa

$$f(k + \lambda) > f(\lambda)$$

di mana

$$f(x) = x/(x + 1)$$

(100/100)

...3/-

Bahagian B

3. (a) Buktikan bahawa  $\lim_{x \rightarrow 3} (x^2 - 2x + 4) = 7$  dengan menggunakan takrif  $\epsilon - \delta$ .

- (b) Buktikan bahawa

$$\lim_{x \rightarrow a} f(x) = \lim_{h \rightarrow 0} f(a + h)$$

- (c) Andaikan  $f$  satu fungsi yang memuaskan  $|f(x)| \leq |x|$  untuk semua  $x$ . Tunjukkan bahawa  $f$  selanjar pada 0.

- (d) Andaikan  $f(x)$  sebagai bilangan kilogram langsat yang anda boleh beli dengan  $x$  ringgit. Biar  $g(y)$  sebagai fungsi songsang. Apakah yang diwakili oleh  $g(y)$ ?

- (e) Tunjukkan bahawa jika  $n$  ganjil,  $f(x) = x^n$  boleh di songsangkan atas  $(-\infty, \infty)$ .

(100/100)

4. (a) Buktikan teorem berikut:

Teorem:

Jika  $f$  selanjar atas  $[a, b]$  dan terbeza atas  $(a, b)$ , maka wujud satu  $x \in (a, b)$  supaya

$$f'(x) = \frac{f(b) - f(a)}{b - a}$$

- (b) Dapatkan  $f'(x)$  untuk fungsi  $f$  berikut:

$$f(x) = \frac{4}{x^3 - \frac{x^2 + \cos x}{3}}$$

- (c) Dapatkan  $f'(0)$  jika

$$f(x) = \begin{cases} g(x) \sin \frac{1}{x}, & x \neq 0 \\ 0, & x = 0 \end{cases}$$

...4/-

dan

$$g(0) = g'(0) = 0.$$

- (d) Satu alat pengukur suhu diletakkan  $x$  sentimeter dari satu sumber api. Biar  $f(x)$  bacaan suhu atas alat. Anggapkan bahawa gelas pada alat akan pecah apabila alat bersentuh dengan sumber api.

(i) Terangkan mengapa secara fizikal  $f(0)$  tidak mempunyai makna.

(ii) Bincangkan makna yang boleh diberi kepada  $\lim_{x \rightarrow 0^+} f(x)$ .

(100/100)

5. (a) Dapatkan satu fungsi atas  $[-1, 1]$  yang selanjar tetapi tidak terbeza pada titik maksimumnya.

- (b) Dapatkan  $f'(s)$  di mana

$$f(s) = \int_0^{s^2} \frac{1}{\sqrt[3]{x^2 + 1}} dx.$$

- (c) Tanpa menilaikan kamiran, tunjukkan bahawa

$$-3 \leq \int_1^2 (t^3 - 4) dt \leq 4.$$

- (d) Permintaan untuk hasil-hasil kayu pada tahun 1985 adalah lebih kurang 12.6 billion kaki kubik. Dengan meneliti peningkatan permintaan, kita dapat menentukan bahawa  $X$  tahun selepas 1985, permintaan meningkat dengan  $9X/100$  (iaitu  $P'(X) = 9X/100$ ;  $P(X)$  adalah permintaan  $X$  tahun selepas 1985).

- (i) Dengan menggunakan teorem asas kalkulus, tunjukkan bahawa

$$P(X) = P(0) + \int_0^X \frac{9t}{100} dt.$$

...5/-

- (ii) Dapatkan  $P(X)$   
(iii) Dapatkan permintaan kayu pada 1992.

(100/100)

6. (a) Dengan membuat gantian yang sesuai, selesaikan kamiran-kamiran berikut:

(i)  $\int \frac{x \, dx}{\sqrt{1 - x^2}}$

(ii)  $\int \frac{x^2 \, dx}{\sqrt{1 - x^2}}$

dengan  $0 < x < 1$ .

- (b) Kamirkan:

(i)  $\int \frac{dx}{x^2 + x + 1}$

(ii)  $\int \frac{dx}{\sqrt{x^2 + x + 1}}$

- (c) Dengan menggunakan kaedah pecahan separa kamirkan:

$$\int_{\pi/6}^{\pi/2} \frac{\cos x \, dx}{\sin x + \sin^3 x}$$

- (d) Gunakan kaedah petala silinder untuk mencari isipadu yang terjana apabila rantau R yang dibatasi oleh  $y = x$  dan  $y = x^2$  dikisarkan pada paksi-y.

- (e) (i) Nilaikan  $\int \sin ax \sin bx \, dx$ , di mana a dan b pemalar.

- (ii) Tunjukkan bahawa kamiran di atas adalah satu fungsi selanjar terhadap b untuk a dan x tetap.

(100/100)